

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

NOVEMBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

MUHAMMAD SANI BIN MOHD HANIP

bertajuk

**CADANGAN REKABENTUK BARU PUSAT SERVIS DAN JUALAN PACKET ONE NETWORK MALAYSIA SDN.BHD. DI
NO.178A, JALAN IMBI, 55100 KUALA LUMPUR.**

diterima sebagai sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : _____ En. Zulkarnain Bin Hazim
Koordinator Kursus : _____ Pn. Azizah Binti Md. Ajis
Koordinator Program : _____ PM. Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd.Rashid

ABSTRAK

Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat Diploma ini adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan reka bentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah cadangan merekabentuk rekabentuk baru bagi pusat servis dan jualan Packet One Network Malaysia Sdn. Bhd. yang berlokasi di No.178A, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur. Dengan terhasilnya pusat servis dan jualan Packet One Network Malaysia Sdn. Bhd. adalah diharapkan bahawa ia dapat menaikkan imej Packet One Network Malaysia dan memperkenalkan produk mereka melalui teknologi jalur lebar tanpa wayar serta memperkembangkan lagi perniagaan mereka. Tema dan konsep juga diaplikasikan dalam kedua – dua ruang '*exterior & interior*' untuk menonjolkan lagi nilai estetika dan juga nilai prestij ruang pusat servis dan jualan tersebut. Beberapa penyelidikan telah di jalankan bagi menjayakan projek akhir pusat servis dan jualan ini, antaranya termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian , kajian kes dan kajian soal selidik. Kesemua kajian – kajian tersebut adalah bertujuan mengenal pasti kelemahan – kelemahan yang ada dan juga cuba untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul. Kajian – kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses reka bentuk, dengan tujuan mendapatkan satu reka bentuk yang menarik dan sesuai dengan imej korporat Packet One Network Malaysia sama ada dari segi fungsi dan nilai estetikanya. Konsep Laluan Ke Masa Hadapan dan imej berteknologi tinggi juga diterapkan untuk mendapatkan satu imej yang baru, sesuai dan dapat ditonjolkan di dalam rekaan serta bersesuaian dengan identiti Packet One Network Malaysia Sdn. Bhd.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.....

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya, saya telah berjaya menyiapkan laporan projek akhir ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada En. Zulkarnain Bin Hazim sebagai penyelia laporan projek akhir ini yang telah banyak membantu serta memberikan cadangan yang bernas dalam usaha untuk menyempurnakan laporan ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Azizah Binti Md. Ajis selaku Koordinator Kursus THE386 yang telah memberikan tunjuk ajar dalam cara-cara yang untuk menulis laporan ini mengikut format yang betul.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Packet One Network Malaysia Sdn. Bhd. selaku klien saya yang telah memberikan kerjasama dan maklumat tentang projek. Tidak lupa juga kepada beberapa pihak yang lain sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dan tidak pernah jemu memberikan kerjasama dan memberi bantuan maklumat dalam menjayakan laporan projek akhir ini. Turut terlibat dalam menjayakan laporan projek akhir ini iaitu kedua-kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan dari segi mental dan fizikal dan juga bantuan kewangan serta mendoakan saya. Sekalung penghargaan diucapkan kepada kakitangan UiTM Perak terutamanya para pensyarah Jabatan Senibina Dalaman dan khususnya kepada pensyarah-pensyarah semester 06 rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi inspirasi serta idea-idea bernas dalam proses menyiapkan laporan ini. Dengan itu semua jasa dan pengorbanan yang telah diberikan amatlah dihargai dan tidak mungkin dilupai.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Foto	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Jadual	xii
Senarai Singkat Kata	xii

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0	PENGENALAN	1
1.1	PENGENALAN KEPADA PROJEK	1
1.2	TAJUK PROJEK	2
1.3	METODOLOGI KAJIAN	2
1.4	MATLAMAT KAJIAN	5
1.5	OBJEKTIF KAJIAN	5
1.6	SKOP KAJIAN	6
1.7	HALANGAN KAJIAN	7
1.8	KEPENTINGAN KAJIAN	8
BAB 2.0	KLIEN	10

BAB 1.0

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN KEPADA PROJEK

Projek merekabentuk rekabentuk baru sebuah Pusat Jualan dan servis bagi syarikat Packet One Network Malaysia Sdn. Bhd.(P1 WiMAX) telah dipilih sebagai analisa projek akhir ini. Idea untuk merekabentuk pusat jualan dan servis bagi Packet One Network Malaysia Sdn. Bhd. ini timbul kerana tidak ramai dikalangan kita tahu keistimewaan tentang produk yang dikeluarkan oleh syarikat ini yang merupakan “broadband” yang mempunyai capaian muat turun yang terpanjang di dunia serta kepentingan dan cara penggunaan jalur lebar tanpa wayar yang seiring dengan era teknologi tanpa batas di negara kita khususnya golongan awam. Umum juga sedia maklum bahawa sistem jalur lebar tanpa wayar ini adalah amat penting untuk golongan masa kini di negara kita bagi memudahkan urusan harian yang kebanyakannya kini diuruskan melalui internet.

Pusat jualan dan servis merupakan sebuah tempat bagi pengguna mendapat informasi tentang produk yang mereka langgani serta tempat bagi mereka mendapatkan servis diatas kerosakan atau sebarang masalah yang mereka hadapi berkaitan dengan produk yang mereka langgani. Terdapat pelbagai jenis cara untuk merekabentuk pusat jualan dan servis seperti ini bagi menampakkan imej korporat syarikat ini yang secara tidak langsung membantu mempromosikan produk yang dikeluarkan dalam sesebuah pusat jualan dan servis seperti ini. Secara umumnya, pusat jualan dan servis seperti ini terbahagi kepada beberapa bahagian antaranya pejabat pengurusan, pusat jualan, pusat servis, bahagian khidmat pelanggan, pusat pembayaran bil dan sebagainya. Bagaimanapun, pusat jualan dan servis ini bakal memberi imej baru serta mampu memberikan kesan yang mendalam kepada pelanggan yang datang ke sini. Selain itu, pusat jualan dan servis ini juga akan membantu pelanggan